



## **TALKING POINTS**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**PROGRAM PENYERAHAN BANTUAN MYFOOD@WILAYAH**

**DI**

**FLAT SRI LEMPAH, TAMAN DESA, KUALA LUMPUR  
PANGSAPURI TERATAK MUHIBBAH 1, TAMAN DESA  
PANGSAPURI TERATAK MUHIBBAH 2, TAMAN DESA**

**7 SEPTEMBER 2021 (SELASA)  
WAKTU : 2.30 PETANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

1. Menyedari hakikat kesan pandemik COVID-19 yang telah menjelaskan sumber pendapatan rakyat, maka Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan sekali lagi melaksanakan Program MyFood@Wilayah kepada 15,000 isi rumah yang tersenarai di bawah senarai Prihatin Kasih Wilayah Persekutuan.
2. Untuk makluman, selain warga PPR dan Perumahan Awam DBKL, bantuan pada kali ini menyasarkan penyerahan kepada isi rumah di kawasan flat-flat kos rendah swasta sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan keseluruhan peruntukan sebanyak **RM750,000.00**.
3. Usaha ini telah diperkenalkan sejak November 2020 dalam **menyantuni keluarga B40 dan miskin bandar** di Wilayah Persekutuan untuk meringankan beban kos sara hidup golongan tersebut terutama sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemic Covid-19.
4. Inisiatif MyFood@Wilayah yang dilaksanakan ini tidak hanya tertumpu di kawasan PPR dan Perumahan Awam DBKL sahaja tetapi diperluaskan ke kawasan-kawasan perumahan kos rendah swasta, terutamanya kepada golongan miskin yang terkesan samada yang kehilangan pekerjaan, terjejas sumber pendapatan dan tidak kurang juga ada yang berdepan krisis keluarga dan tekanan hidup semasa pandemik.
5. Sesi pengagihan Bakul Makanan MyFood@Wilayah pada hari ini merupakan pengagihan kali ke-6 di Wilayah Persekutuan. Sebelum ini MyFood@Wilayah telah dilaksanakan pada:
  - I. November 2020 kepada 32,000 isi rumah di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan (PKP 1.0);

- II. Semasa Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 kepada 13,000 penerima di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sepanjang bulan Februari 2021;
  - III. Kepada 1,000 pemandu teksi di WP Kuala Lumpur pada 4 Februari 2021;
  - IV. Semasa program Prihatin Ramadan kepada 2,000 fakir dan asnaf terpilih pada Jun 2021; dan
  - V. Pengagihan 19,285 bakul makanan kepada keluarga yang terkesan di lokaliti PKPD di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada Jun 2021.
6. Secara keseluruhannya, sehingga Ogos 2021, seramai **67,285 penerima/orang Ketua Isi Rumah (KIR)** miskin bandar di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan telah menerima manfaat daripada MyFood@Wilayah ini dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM3,183,360.00**.
7. Pek bernilai RM50.00 bagi setiap unit Bakul Makanan MYFood@Wilayah adalah barang keperluan asas harian. Program ini dilaksanakan secara berterusan dan memberi manfaat kepada kumpulan sasar yang terlibat.
8. Saya berharap, **kolaborasi dengan pelbagai badan korporat**, NGO's dapat dipergiatkan lagi untuk bersama-sama memberikan bantuan perkhidmatan secara sukarela demi kesejahteraan golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan.
9. Sebagai satu "Keluarga Malaysia" saya berharap inisiatif MYFood@Wilayah ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat di luar sana.